

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 29

Malaysia alu-alukan pelabur industri tenaga

Malaysia alu-alukan pelabur industri tenaga

KUALA LUMPUR - Malaysia secara aktifnya mengalu-alukan pelaburan dan perdagangan dalam industri tenaga daripada syarikat tempatan serta antara-bangsa bagi menangani krisis tenaga dan memastikan keselamatan tenaga yang terjamin, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.



RAFIZI

Beliau berkata, komitmen negara untuk mewujudkan persekitaran mesra perniagaan dalam tenaga akan diteruskan seperti dibuktikan melalui pembaharuan dalam liberalisasi pasaran gas dan akses pihak ketiga yang membolehkan pelbagai entiti mengakses serta menggunakan kemudahan gas Malaysia.

"Pagi ini (Rabu) kami berbincang secara terperinci mengenai rancangan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang tenaga di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU).

"Saya mendapat galakan daripada minat EU untuk mencari titik kerjasama di rantau yang berkembang pesat ini," katanya dalam ucapan perasmian pada Persidangan Tenaga Serantau

EU-Indo-Pasifik di sini pada Rabu.

Beliau berkata, kepimpinan EU dan Malaysia melihat krisis tenaga global sebagai satu kelebihan dan menggunakan peluang untuk mempercepatkan peralihan tenaga kedua-dua pihak.

"Wakil EU akan mengadakan mesyuarat di peringkat kerja yang lebih terperinci dengan Petronas pada Jumaat.

"Kami berharap dapat membangunkan perkongsian yang lebih mantap kerana Malaysia memiliki kedudukan unik dalam bidang gas asli cecair.

"Terdapat beberapa aspek strategik yang kami fokuskan termasuk cara untuk mempercepatkan pembangunan tenaga hidrogen dan Petronas telah pun berusaha melancarkan beberapa kemudahan bagi tenaga hidrogen," katanya.

Rafizi juga menyatakan bahawa kerajaan sedang merangka mekanisme baharu untuk mempercepatkan pengeluaran tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui di negara ini. - *Bernama*